

SHORT COMMUNICATION

PENILAIAN JURNAL AKADEMIK

EVALUATION OF ACADEMIC JOURNALS

Jyh Wee Sew

Centre for Language Studies, Arts Link 9, National University of Singapore,
117570 Singapore
Email: clssjw@nus.edu.sg

Penilaian jurnal akademik merupakan satu langkah saintifik ke arah pementapan prestasi akademik. Kaedah penilaian yang berkesahihan penting bagi mendapatkan data yang boleh dipercayai. Perbincangan ini meneliti satu penilaian prestasi jurnal akademik dari negara Australia. Kaedah yang digunakan dikaji dan dibentangkan untuk tatapan ahli akademik. Dalam imbasan kritis yang dilakukan, kesahihan judul jurnal yang dipilih menjadi tanda tanya justeru mencabar kewibawaan laporan yang dikeluarkan oleh persatuan pengajian ilmiah yang terbabit.

Kata kunci: jurnal akademik, penilaian, budaya ilmiah, kesahihan, imbasan kritis

The evaluation of academic journals is a scientific method that works towards a consistent academic achievement. A reliable evaluation method is important as it ensures that the data are trustworthy. This academic discussion examines the evaluation of academic journals from Australia. The method used in the report is examined and presented for the purview of academics. In reviewing the report critically, the validity of the journal titles selected is questionable thus this challenges the integrity of the report issued by the academic association concerned.

Keywords: academic journal, evaluation, academic culture, validity, critical review

PENGENALAN

Pada tahun 2007, satu senarai prestasi jurnal-jurnal ilmiah yang memberikan tumpuan akademik ke atas benua Asia telah diterbitkan (lihat Lampiran 1). Badan penilai jurnal-jurnal pengajian Asia tersebut ialah Asian Studies Association of Australia (ASAA) atau Persatuan Pengajian Asia Australia. Dokumen ini

merupakan satu unjuran digital yang berkait dengan laman web Universiti Griffith, Queensland, Australia. Menurut keterangan dalam pengenalan laman web Universiti Griffith, pusat pengajian tinggi ini merupakan kampus pertama yang menawarkan program pengajian Asia di Australia seperti berikut:

Since opening its doors in 1975, Griffith University has come to be regarded as one of Australia's most innovative tertiary institutions and one of the most influential universities in the Asia-Pacific region. We were the very first university in Australia to offer degrees in Asian studies and Environmental studies to our students and we remain a pioneer in these fields.

(Sumber: <http://www.griffith.edu.au/about-griffith>, diakses pada 7 April 2013).

Terjemahan:

Semenjak membuka pintu pada 1975, Universiti Griffith telah dianggap sebagai salah satu institusi pengajian tinggi yang paling inovatif di Australia dan salah satu universiti yang paling berpengaruh di rantau Asia-Pasifik. Kami merupakan universiti yang pertama menawarkan ijazah Pengajian Asia dan Pengajian Persekitaran kepada pelajar-pelajar dan terus menjadi pelopor di dalam bidang-bidang ini.

Dokumen yang disediakan oleh ASAA mengandungi penilaian ke atas 765 naskhah jurnal akademik yang memberikan pengkhususan pada pengajian Asia. Gred penilaian yang diberikan oleh ASAA termasuk gred A+, A, B, C. Penulis telah membuat analisis dengan mencerakinkan bilangan jurnal pengajian Asia berdasarkan gred penilaian jurnal dalam senarai *ASAA Journal Ranking List* (November 2007).

Jadual 1: Penilaian jurnal Asia oleh ASAA

Bilangan jurnal Asia	Gred penilaian ASAA	Peratus %
35	A+	4.575
105	A	13.725
231	B	30.196
394	C	51.504
N = 765		N = 100

Dokumen yang masih tersimpan di alam maya Web 2.0 ini tidak mencatatkan kriteria penilaian yang digunakan. Pandangan seimbab lalu ke atas judul jurnal yang menerima gred A+, memang kelihatan berkaitan antara judul jurnal yang menerima gred terbaik dengan dugaan akademik pakar-pakar

pengajian Asia. Sebagai contoh, jurnal pengajian Asia yang berusia lebih 100 tahun telah dimasukkan ke dalam himpunan yang terunggul sebagaimana di dalam Jadual 1. Penulis memilih sepuluh judul jurnal bergred A+ dan menambah maklumat penerbit, jilid (bilangan) jurnal dan kekerapan keluaran tahunan bagi setiap judul jurnal sebagai data tambahan.

Jadual 2: Senarai jurnal pengajian Asia terpilih

Judul jurnal pengajian Asia terpilih	Penerbit	Jilid (bil.) pada tahun 2007	Kekerapan tahunan	Gred
<i>Asian Economic Journal</i>	John Wiley & Sons	Bil. 21	4 kali	A+
<i>Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde</i>	KITLV, Leiden, Belanda	Bil. 163	3 kali	A+
<i>Bulletin of Indonesian Economic Studies</i>	Taylor & Francis	Bil. 43	3 kali	A+
<i>Late Imperial China</i>	Universiti John Hopkins	Bil. 28	2 kali	A+
<i>The Journal of Asian Studies</i>	Universiti Cambridge	Bil. 66	4 kali	A+
<i>Modern Asian Studies</i>	Universiti Cambridge	Bil. 41	6 kali	A+
<i>Oceanic Linguistics</i>	Universiti Hawaii	Bil. 46	2 kali	A+
<i>Pacific Affairs: An International Review of Asia and the Pacific</i>	Universiti British Columbia, Kanada	Bil. 46	2 kali	A+
<i>Philosophy East and West</i>	Universiti Hawaii	Bil. 57	4 kali	A+
<i>South Asia: Journal of South Asia Studies</i>	Taylor & Francis	Bil. 30	4 kali	A+

Budaya akademik ASAA seolah-olah menghormati tempoh penerbitan lama sebagai satu kriteria dalam penilaian akademik ini. Fakta ini semakin jelas apabila jurnal-jurnal yang terpilih mempunyai tempoh penerbitan yang lebih daripada 20 tahun. Kita boleh mempertikaikan bahawa senarai judul di dalam Jadual 2 sebagai suatu pilihan yang bersifat wewenang. Sekalipun tempoh penerbitan sesuatu jurnal akademik telah menjangkau lebih daripada satu kurun lamanya kualiti rencana penerbitannya masih belum tentu terjamin. Pertikaian berdasarkan pemikiran kritis ini memang wajar demi penakatan budaya akademik yang berkesahihan.

INDEKS KEBERKESANAN AKADEMIK

Demi menjamin mutu akademik jurnal pilihan di atas, senarai judul jurnal Jadual 2 dinilai semula dengan indeks keberkesanan. Sebagai contohnya, nilai indeks h yang menjadi angkubah bilangan rencana dalam sesuatu jurnal yang dirujuk sebanyak h kali oleh pembaca yang lain telah digunakan sebagai petunjuk. Hal ini bererti hitung panjang kekerapan rujukan berdasarkan jumlah keseluruhan rencana yang bersifat kuantitatif dalam jurnal dapat dihindarkan. Indeks h yang merupakan rujukan pihak lain yang berulang mencerminkan kepentingan jurnal dari sudut kepenggunaan dan bukannya perhitungan matematik.

Terdapat satu andaian budaya akademik yang tersirat dalam perbincangan ini. Sekiranya rencana-rencana dalam sesuatu jurnal memang berkualiti maka rujukan ke atas terbitan ini akan berlipat ganda berbanding dengan jurnal yang kurang berkualiti. Indeks h menjadi petunjuk yang lebih berkesahihan berbanding dengan indeks keberkesanan yang lain kerana hanya bilangan rujukan pihak lain sahaja diambil kira dan bukannya bilangan rujukan keseluruhan dalam sesuatu jurnal.

Namun demikian, bagi pembaca yang masih berminat untuk mengetahui purata bilangan rujukan dalam setiap satu jurnal, indeks rujukan purata juga disertakan sebagai satu bentuk perbandingan. Jadual 3 mengandungi taburan indeks h berserta indeks rujukan purata sebagai kelainan perbandingan bagi memperlihatkan keberkesanan judul-judul. Sebagai perbincangan lanjut, penulis mengenal pasti indeks h dan indeks rujukan purata bagi setiap judul dari laman web Scopus iaitu pangkalan data bagi jurnal ilmiah yang terbesar di dunia.

Perbandingan Jadual 3 menunjukkan bahawa kekuatan sesebuah jurnal tertakluk pada indeks yang dipilih. Indeks h dan indeks rujukan purata masing-masing menghasilkan tangga kedudukan jurnal yang berlainan. Walau bagaimanapun, jurnal yang menjadi pilihan ramai menunjukkan pertalian rapat antara indeks rujukan purata dengan indeks h . Judul *Bulletin of Indonesian Economic Studies* menunjukkan indeks rujukan purata yang sangat menonjol walaupun jurnal ini hanya dikeluarkan tiga kali setahun. Perbandingan dari segi indeks keberkesanan menunjukkan dengan jelas kekerapan rujukan *Bulletin of Indonesian Economic Studies* apabila indeks rujukan purata jurnal ini mengatasi indeks rujukan purata judul *Modern Asian Studies* yang dikeluarkan sebanyak enam kali setahun. Tempoh penerbitan kedua-dua jurnal pula boleh dianggap hampir sama iaitu sekurang-kurangnya 40 tahun (Bil. 43 berbanding dengan Bil. 41).

Jadual 3: Keberkesanan jurnal akademik berdasarkan indeks *h* dan indeks rujukan purata

Judul Jurnal Pengajian Asia terpilih	Indeks <i>h</i> antara 1999–2011	Indeks rujukan purata antara 2004–2011	Kedudukan judul berdasarkan indeks <i>h</i>	Kedudukan judul berdasarkan indeks rujukan purata
<i>Asian Economic Journal</i>	14	0.41	4	5
<i>Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde</i>	3	0.26	10	9
<i>Bulletin of Indonesian Economic Studies</i>	15	1.06	2	1
<i>Late Imperial China</i>	4	0.27	9	7
<i>The Journal of Asian Studies</i>	17	0.54	1	3
<i>Modern Asian Studies</i>	14	0.52	3	4
<i>Oceanic Linguistics</i>	8	0.43	6	6
<i>Pacific Affairs: An International Review of Asia and The Pacific</i>	12	0.59	5	2
<i>Philosophy East and West</i>	8	0.39	7	7
<i>South Asia: Journal of South Asia Studies</i>	5	0.16	8	10

PERMASALAHAN

Senarai ASAA diteliti secara rapi sebagai usaha untuk melestarikan budaya akademik yang maju. Dalam senarai judul jurnal pengajian Asia yang ditampilkan terdapat beberapa judul jurnal pengajian Asia terbitan badan pertubuhan ilmiah Malaysia dan universiti tempatan yang turut mendapat penilaian ASAA. Judul-judul jurnal yang berkenaan sebenarnya diterbitkan oleh institut dan pusat pengajian tinggi yang menerajui kerja pemupukan ilmu pengetahuan. Gedung-gedung ilmu pengetahuan yang terbabit termasuk *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (MBRAS), Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), Penerbit Universiti Kebangsaan (UKM) dan Penerbit Universiti Malaya (UM).

Jadual 4 menunjukkan gred ASAA yang diberikan pada judul jurnal pengajian Asia di Malaysia. Terdapat enam judul jurnal tempatan yang menerima gred-gred yang berlainan. Maklumat penerbit, jilid (bilangan) jurnal dan kekerapan keluaran tahunan bagi judul jurnal terpilih telah dimasukkan oleh penulis sebagai keterangan tambahan.

Jadual 4: Senarai judul jurnal pengajian Asia Malaysia

Judul jurnal pengajian Asia di Malaysia	Penerbit	Jilid (bil.) pada tahun 2007	Kekerapan tahunan	Gred
<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>	MBRAS	Bil. 80	2 kali	A
<i>Kajian Malaysia</i>	USM	Bil. 25	2 kali	B
<i>Sarjana: Journal of the Faculty of Arts and Social Sciences</i>	UM	Bil. 22	2 kali	C
<i>Jurnal Pengajian Melayu</i>	UM	Bil. 18	1 kali	C
<i>SARI: Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu</i>	UKM	Bil. 25	2 kali	C
<i>Jurnal Anthropologi dan Sosiologi</i>	UKM	Terbitan akhir Bil. 20 (1993)	1 kali	C

Analisis yang terkandung di dalam Jadual 4 menunjukkan penilaian pihak Australia mempunyai satu masalah kesahihan yang besar. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* yang langsung tidak wujud pada 2007 telah diberikan gred C. Penilaian secara khayalan ini tidak harus diterima oleh dunia akademik biar betapa "romantik" sekalipun bayangan ilmiah tersebut. Memang wajar bagi kita meninjau wibawa jurnal-jurnal tempatan sama ada yang telah disebutkan atau yang belum diberikan kepastian.

Satu penilaian semula ke atas jurnal pengajian Asia tempatan perlu dilakukan berdasarkan jentera penilaian akademik yang sedia ada. Sebagai cadangan awal, beberapa judul baru terbitan institut pengajian tinggi tempatan dikemukakan. Cadangan judul jurnal terkandung di dalam Jadual 5.

Perbandingan data di antara Jadual 4 dan Jadual 5 menjelmakan satu senarai baru judul jurnal pengajian Asia terbitan Malaysia. Senarai ini berguna sebagai penyata rujukan bagi dunia jurnal akademik tempatan. Sebagai proses saringan ke atas bilangan judul yang besar bilangannya kita boleh menggunakan indeks keberkesanan sebagai kriteria penyaringan akademik. Sama ada perbandingan dari segi indeks h ataupun perbandingan menerusi indeks rujukan purata, sesuatu judul jurnal pada peringkat asas haruslah merupakan judul ilmiah yang dipantau melalui pangkalan Scopus. Laman web Scopus yang mematuhi prinsip akademik menggunakan operasi algoritma *Google PageRank*. Operasi ini membolehkan penentuan indeks keberkesanan yang sekaligus merangkap piawai jurnal akademik.

Jadual 5: Cadangan judul jurnal pengajian Asia Malaysia

Judul jurnal pengajian Asia tambahan dari Malaysia	Penerbit	Jilid (bil.) pada pada 2012	Kekerapan tahunan
<i>Akademika</i>	UKM	Bil. 82	3 kali
<i>KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities</i>	USM	Bil. 19	2 kali
<i>JATI Journal of Southeast Asian Studies</i>	UM	Bil. 17	1 kali
<i>Jurnal Pengajian Media Malaysia</i>	UM	Bil. 14	2 kali
<i>GEMA Online Journal of Language Studies</i>	UKM	Bil. 12	4 kali mulai 2013
<i>3L: Language, Linguistics, Literature</i>	UKM	Bil. 19	4 kali mulai 2013
<i>International Journal of Asia Pacific Studies</i>	USM	Bil. 8	2 kali
<i>Pertanika</i>	UPM	Bil. 20	4 kali
<i>Jurnal Bahasa Moden</i>	UM	Bil. 22	2 kali
<i>Malaysian Journal of Library and Information Science</i>	UM	Bil. 17	3 kali

Nota: UKM = Universiti Kebangsaan Malaysia; USM = Universiti Sains Malaysia; UM = Universiti Malaya; UPM = Universiti Putra Malaysia.

KAEDAH

Sebuah penyata jurnal pengajian Asia rintisan yang lebih kemas kini diwujudkan sebagaimana di dalam Jadual 6. Jadual ini terhasil selepas penerapan kaedah saringan tambahan yang mensyaratkan setiap jurnal berkeahlian Scopus. Penyata ini memberikan satu gambaran yang lebih kritis kerana pangkalan data Scopus mewajibkan pihak penerbit jurnal menepati prinsip akademik yang teratur. Dengan keahlian ini, sesuatu jurnal berpeluang memperoleh nilai indeks keberkesanan.

Penilaian semula jurnal akademik di dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat beberapa judul jurnal yang menerima indeks keberkesanan dalam laman web Scopus. Secara jelas, nilai indeks *h* serta indeks rujukan purata terkumpul oleh lima judul jurnal tempatan pada 2011. Perlu ditegaskan di sini bahawa perbandingan sesama jurnal masih belum bersesuaian memandangkan sub-bidang cakupan akademik yang berbeza-beza. Pangkalan data Scopus menghimpunkan jurnal *Akademika*, *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities* dan *GEMA Online Journal of Language Studies* ke dalam satu kumpulan, iaitu Sastera dan Ilmu Kemanusiaan. Manakala jurnal *International Journal of Asia Pacific Studies* dan *Malaysian Journal of Library and Information Science* dikelaskan dalam kategori Ilmu Sains Sosial.

Jadual 6: Tinjauan awal keberkesanan jurnal pengajian Asia tempatan terpilih

Judul jurnal pengajian Asia tempatan	Indeks <i>h</i> pada 2011	Indeks rujukan purata pada 2011	Kedudukan judul berdasarkan indeks <i>h</i>	Kedudukan judul berdasarkan indeks rujukan purata
<i>Akademika</i>	1	0.126	3	3
<i>KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities</i>	0	0.102	5	4
<i>GEMA Online Journal of Language Studies</i>	4	0.286	4	1
<i>International Journal of Asia Pacific Studies</i>	1	0.00	3	5
<i>Malaysian Journal of Library and Information Science</i>	8	0.159	1	2

Perlu diperjelas bahawa jurnal tempatan seperti *Kajian Malaysia*, *3L: Language, Linguistics, Literature* dan *Pertanika* juga berkeahlian Scopus. Namun begitu, jurnal-jurnal tersebut tidak diberikan indeks *h* atau indeks rujukan purata semasa penulisan rencana ini. Sebagai tambahan, editor sesuatu jurnal berperanan besar untuk menjamin indeks keberkesanan. Mengimbas kembali pengalaman penerbitan dengan suatu jurnal tempatan yang berkeahlian Scopus, penulis pernah diminta menggunakan sekurang-kurangnya satu rencana daripada jurnal pihak tuan rumah sebagai sumber rujukan. Secara langsung, indeks rujukan purata terus dipertingkatkan dengan syarat penerbitan yang dikenakan.

PERBINCANGAN

Fahaman akademik yang paling asas akan digunakan dalam pencerakinan jurnal tempatan. Sebab fahaman dasar dijadikan pegangan ialah jurnal-jurnal tempatan masih belum bertapak kukuh dalam lapangan pengajian Asia yang sudah matang. Dengan ini, dimengertikan bahawa nilai indeks rujukan purata akan meningkat sekiranya sesebuah jurnal mempunyai lebih daripada dua kali terbitan dalam tempoh setahun. Dalam erti kata yang lain, pertambahan kuantiti rencana secara tidak langsung akan mempengaruhi indeks rujukan purata. Sebabnya kebarangkalian sesebuah jurnal untuk menjadi sasaran rujukan berdasarkan bilangan rencana yang lebih besar adalah lebih tinggi.

Setakat perbincangan ini, tiga pandangan akademik boleh diunjurkan sebagai renungan ilmiah demi faedah pertumbuhan budaya akademik. Pertama, sejak awal lagi, pihak penerbit jurnal akademik harus memupuk kesedaran akademik dengan membina sistem pemantauan indeks keberkesanan sama ada

melalui indeks h mahupun dengan indeks rujukan purata. Budaya pemantauan akademik sebegini berguna sebagai rujukan dan pemahaman asas bagi melestarikan jati diri serta taraf ilmiah sesebuah jurnal akademik dalam perkembangan dunia ilmu pengetahuan yang serba mencabar (Sew, 2010).

Kedua, kerangka keberkesanan jurnal akademik yang berlandaskan prinsip akademik yang bersistematik dapat membendung sebarang penyelewengan penilaian dari pihak luar. Dokumen ASAA 2007 yang digunakan hanya berperanan sebagai pencetus penyelidikan susulan untuk mendapatkan kepastian yang lebih berkepercayaan. Penyelidikan susulan ini sebenarnya dapat membantu usaha pemantapan budaya akademik jurnal pengajian Asia di Malaysia. Sememangnya tanpa dokumen tersebut, kajian budaya akademik dalam perbincangan ini tidak akan muncul dengan berkesan. Dengan bersempadankan lencongan akademik yang telah wujud, markas yang lebih kukuh dapat didirikan sebagai kubu rujukan dalam dunia penerbitan jurnal akademik.

Ketiga, penyata rujukan keberkesanan jurnal akademik memang penting sebagai panduan bagi pihak institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan jurnal yang berpengaruh. Lebih daripada itu, penyata ini berperanan sebagai serampang dua mata kerana ia merangkap petunjuk tentang hala tuju ilmu pengajian Asia dan Asia Tenggara dalam kalangan warga pengajian Asia (Sew, 2009). Sebenarnya proses mendapatkan indeks keberkesanan bagi jurnal ini menyerupai proses pelombongan maklumat (*data mining*). Indeks keberkesanan yang ditapis daripada jentera penilaian sebenarnya menawarkan maklumat tambahan tentang trend kajian akademik yang diusahakan oleh pakar pengajian Asia, baik pada peringkat dunia antarabangsa mahupun pada tahap serantau.

KESIMPULAN

Peranan penerbit jurnal akademik adalah penting sebagai penggerak budaya akademik dalam perkembangan akademik pusat pengajian tinggi tempatan. Budaya akademik yang aktif melibatkan proses pelombongan maklumat termasuk menganalisis dokumen penilaian jurnal pengajian Asia. Data sesebuah badan akademik yang diperolehi memerlukan pengesahan lanjut melalui kajian susulan yang berpandukan prinsip akademik seperti indeks h dan indeks rujukan purata. Indeks keberkesanan sebagai petunjuk akademik akan menjadi penentuan kekuatan sesebuah jurnal pengajian Asia. Trend pengajian Asia mutakhir akan mendapat penakrifan berdasarkan perbandingan nilai indeks keberkesanan sebagai kaedah pelestarian kedudukan jurnal pengajian Asia. Adalah jelas bahawa hala tuju ilmu sains sosial akan berkembang subur melalui budaya akademik yang membaik biak.

LAMPIRAN 1
ASAA Journal Ranking List – November 2007

Journal Name	ISSN	Tier
Asia Pacific Business Review		A*
Asia Pacific Journal of Anthropology		A*
Asian Business & Management		A*
Asian Economic Journal		A*
Asian Security		A*
Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde		A*
Bulletin of Indonesian Economic Studies		A*
Bulletin of the School of Oriental and African Studies		A*
Ch'angjakkwa bip'yong (Creation and Criticism: Seoul)		A*
China Journal, The		A*
China Quarterly		A*
Harvard Journal of Asiatic Studies		A*
Indonesia (Cornell)		A*
International Relations of Asia Pacific		A*
Islamic Law & Society		A*
Journal Asiatique		A*
Journal of Asian Studies		A*
Journal of Japanese Studies		A*
Journal of Korean Studies		A*
Journal of the International Association of Buddhist Studies		A*
Journal of Vietnamese Studies (UC Berkeley)		A*
Late Imperial China		A*
Modern Asian Studies		A*
Modern China: An International Quarterly of History and Social Sciences		A*
Monumenta Nipponica		A*
Monumenta Serica (Journal of Oriental Studies)		A*
Nan Nü: Men, Women and Gender in China		A*
Oceanic Linguistics		A*
Pacific Affairs		A*
Pacific Review		A*
Philosophy East and West		A*
Positions: East Asia Cultures Critique		A*

South Asia		A*
T'oung Pao		A*
Welt Des Islams, Die		A*
Arab Historical Review for Ottoman Studies		A
Archipel		A
Archiv Orientalni		A
Artibus Asiae		A
Asia Major		A
Asian Anthropology		A
Asian Ethnicity		A
Asian Folklore Studies		A
Asian Studies Review		A
Asian Survey		A
Asian Theatre Journal: ATJ		A
Asian Thought and Society: An International Review		A
Asian-Pacific Economic Literature		A
Asia Pacific Viewpoint		A
Australian Economic History Review: An Asia-Pacific Journal of Economic, Business & Social History		A
Bulletin de L'ecole Francaise D'extreme-Orient		A
Bulletin of the Institute of History and Philology, Academia Sinica		A
Bulletin of the Institute of Modern History, Academia Sinica (Zhongyang Yanjiuyuan Jindaishi Yanjiusuo Jikan)		A
Bulletin of the Museum of Far Eastern Antiquities		A
Cahiers d'Extrême-Asie		A
Central Asian Survey		A
China Information: A Journal on Contemporary China Studies	0920-203X	A
China Review International		A
Cipango		A
CLEAR (Chinese Literature: Essays, Articles and Reviews)		A
Contemporary Chinese Thought		A
Contemporary Pacific		A
Contemporary South Asia		A
Contemporary Southeast Asia		A
Contributions to Indian Sociology		A
Critical Asian Studies		A

Critique: Critical Middle Eastern Studies		A
Developing economies		A
Early China		A
East and West		A
East Asian History		A
Economic and Political Weekly		A
Etudes Chinoises		A
European Journal of East Asian Studies		A
History of Chinese Philosophy		A
Indian Economic and Social History Review		A
Indian Economic Journal		A
Indian Economic Review		A
Indian Historical Review		A
Indonesia and the Malay World		A
Inner Asia		A
InterAsia Cultural Studies		A
International Journal of Asian Studies		A
International Journal of Middle Eastern Studies	0020-7438	A
Japan and the World Economy: International Journal of Theory and Policy		A
Japan Forum		A
Japanese Economic Review		A
Japanese Journal of Religious Studies		A
Japanese Language and Literature		A
Japanese Studies		A
Japonica humboldtiana		A
Jindai Zhongguo funü shi yanjiu. (Research on Women in Modern Chinese History)		A
Journal of Asian Economics		A
Journal of Asian History		A
Journal of Chinese Linguistics		A
Journal of Chinese Social and Economic History		A
Journal of Contemporary Asia		A
Journal of East Asian Linguistics		A
Journal of East Asian Studies		A
Journal of Global Buddhism		A
Journal of Historical Studies (Rekishigaku Kenkyu)		A

Journal of Islamic Studies		A
Journal of Palestine Studies	0377-919X	A
Journal of South Asian Studies		A
Journal of Southeast Asian Studies		A
Journal of the American Oriental Society		A
Journal of the Asia Pacific Economy		A
Journal of the Economic and Social History of the Orient		A
Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society		A
Journal of the Royal Asiatic Society		A
Korean Studies (Hawaii)		A
Lishi dang'an		A
Middle East Journal	0026-3141	A
Pacific Economic Bulletin		A
Pacific Studies		A
Qingshi Luncong		A
Qingshi Yanjiu		A
Seoul Journal of Korean Studies		A
Shigaku Zasshi (Historical Journal [Japan]. Parallel title is Historical Journal of Japan)		A
Shiso (Ideas)		A
Singapore Journal of Tropical Geography		A
Social Science Japan Journal		A
Social Sciences in China		A
South East Asia Research		A
Southeast Asian Affairs		A
Study of Chinese History		A
Tang yanjiu 唐研究 (Journal of Tang Studies)		A
Tōhō gakuhō Journal of Eastern Studies (Kyoto--there is a Tokyo one with the same name)		A
Tongbang Hakchi		A
Twentieth-Century China		A
Wen Shi (Journal of Literature, History and Philosophy)		A
Xin shixue ("The new history" [Taiwan])		A
Xueshu yuekan (academic monthly)		A
Yoksa bip'yong (History Criticism: Seoul)		A
Zeitschrift der Deutschen Morgenlandischen Gesellschaft		A

Zhongguo shehui kexue 中國社會科學. Beijing. Chinese Social Sciences		A
Zhongguo shi yanjiu_Studies of Chinese History (China). There are two titles: 1. Jindai Zhongguo Funu Shi Yanjiu or Variant title: Research on Women in Modern Chinese History; 2. Jindai Zhongguo Shi Yanjiu Tongxun or Parallel language title: Newsletter for Modern Chinese		A
Zinbun		A
社會經濟史學 Shakai-Keizai-Shigaku (Socio-Economic History)		A
經營史学 (Japan Business History Review)		A
Acta Asiatica		B
Acta Koreana		B
Acta Mongolica (Ulaanbaatar)		B
Acta orientalia Academiae scientiarum Hungaricae		B
Acta Slavonica Iaponica		B
al-Masāq: Islam and the Medieval Mediterranean		B
Altorientalische Forschungen		B
American Journal of Chinese Studies		B
Annales Islamologiques		B
Arab Studies Journal		B
Arab Studies Quarterly		B
Arabic Sciences and Philosophy		B
Arts Asiatiques		B
Arts of Asia		B
Asean Economic Bulletin		B
Asia Europe Journal	1610-2932	B
Asia Pacific Journal of Environmental Law		B
Asia Pacific Journal of Management		B
Asia Pacific Journal of Public Admin		B
Asialaw Japan Review		B
Asian Affairs: An American Review		B
Asian Art and Culture		B
Asian Development Review		B
Asian Economic Papers		B
Asian Economic Policy Review		B
Asian Journal of Political Science		B
Asian Music		B

Asian Perspectives: The Journal of Archaeology for Asia and the Pacific		B
Asian Philosophy		B
Asia Pacific Migration Journal		B
Asiatische Studien		B
Asien		B
Australian Journal of Asian Law		B
Beijing daxue guwenxian yanjiusuo jikan 北京大學古文獻研究所集刊. Papers of the Institute of Early Textual Studies, Peking University		B
Beijing daxue xuebao 北京大學學報 (Journal of Beijing University aka Peking University).		B
Bilingual Research		B
British Journal of Middle Eastern Studies		B
Bulletin de l'Institut français d'archéologie orientale		B
Bulletin d'études orientales		B
Bulletin of Ming-Qing Studies		B
Bulletin of the Institute of Chinese Literature and Philosophy, Academia Sinica		B
Cahiers de Linguistique Asie Orientale		B
Central Asiatic Journal		B
China Economic Review		B
China Mainland Review		B
Chinese Philosophy		B
Chinese Science		B
Chinese Sociology and Anthropology		B
Chinese Southern Diaspora Studies [electronic resource] Nan fang hua yi yan jiu za zhi		B
Chinese Studies		B
Chinese Studies in Archeology		B
CHINOPERL Papers (Chinese Oral and Performing Literatures Papers)		B
Chōsen-gakuhō		B
Chuugoku Bungaku Ho 中國文學報. Journal of Chinese Literature. Ulrich's transliteration is Chugoku Bungakuho		B
Chuugoku Bungaku Ronshu 中國文學論集		B
Cinemaya (Osian's Cinemaya)		B
Comparative Connections: An E-Journal of East Asian Bilateral Relations		B

Contemporary Research in Modern Chinese		B
Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies		B
Dao		B
Daojia Wenhua Yanjiu (Studies of Taoist Culture)		B
Daruma		B
Early Medieval China		B
Early Modern Japan		B
East Asia: An International Quarterly		B
East-West Film Journal		B
e-FLT Electronic Journal of Foreign Languages and Teaching		B
Ehu Yuekan (Legeian Monthly)		B
Ershiyi Shiji (Twenty-first Century)		B
Gender, Technology and development		B
Gengo Kenkyuu		B
Global Change, Peace and Security		B
Gu Hanyu yanjiu 古漢語研究		B
Guji zhengli yanjiu xuekan 古籍整理研究學刊 (Journal of Research on the Collating and Editing of Early Texts)		B
Gunzo		B
Guoli Bianyi Guan Guan Kan		B
Guoxue yanjiu 國學研究 Sinological Studies (literally, "National Studies")		B
Han'guk eumbanhak (Seoul: Han'guk ko eumban yeon'guhoe/Society for Korean Discology)		B
Hanxue yanjiu 漢學研究 (Taipei. Sinological Studies)		B
Harvard Asia Quarterly		B
Hisutoria [Historia]		B
Hitotsubashi Journal of Economics		B
Hwanghae Munhwa		B
Hwangyong gwa Saengmyong		B
Indian Journal of Asian Affairs		B
Indian Journal of Gender Studies		B
International Journal of Turkish Studies		B
International Review of Korean Studies		B
Intersections: Gender, History and Culture in the Asian Context		B
Interventions: International Journal of Postcolonial Studies		B

Iranian Studies		B
Israel Studies		B
Itinerario		B
Japan Focus		B
Japan Review (Nichibunken)		B
Japan Review of International Affairs		B
Japan Studies Review		B
Japanese Journal of Political Science		B
Japanese Language Education Around the Globe (Sekai no naka no nihongo kyooiku)		B
Japanese Yearbook on Business History (Now called Japanese Research in Business History)		B
Journal of Asia Pacific Business		B
Journal of Asian and African Studies		B
Journal of Asian and African Studies (Japan)		B
Journal of Asian Business		B
Journal of Asian Culture		B
Journal of Asian Pacific Communication		B
Journal of Burma Studies		B
Journal of Chinese Economics and Business Studies		B
Journal of Chinese Philosophy		B
Journal of Chinese Religions		B
Journal of Chinese Studies		B
Journal of Contemporary China		B
Journal of East Asian Affairs		B
Journal of Indian Philosophy		B
Journal of Korean Language Education		B
Journal of Ming Studies		B
Journal of Modern Chinese Literature Studies		B
Journal of Mongolian Studies		B
Journal of Muslim Minority Affairs/Institute of Muslim Minority Affairs		B
Journal of Near Eastern Studies		B
Journal of Oriental studies = Dongfang-wenhua		B
Journal of Pacific Studies		B
Journal of Song-Yuan Studies		B
Journal of South Asian Development		B

Journal of the Burma Research Society (JBRS)		B
Journal of the Institute for Asian Studies		B
Journal of the Korean Archaeological Society (Hanguk Kogo-Hakbo)		B
Journal of the Oriental Society of Australia		B
Journal of the Royal Asiatic Society, Hong Kong Branch		B
Journal of the Siam Society		B
Journal of Tropical Ecology		B
Journal of Vedic Studies		B
Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies		B
Kaogu xuebao 考古學報 (Archaeological Journal. Parallel language title: Acta Archaeologica Sinica)		B
Kaogu 考古 (Parallel Title: Archaeology)		B
Kenchiku-shi Gaku		B
Kokubungaku kaishaku to kanshou		B
Kokugogaku (Parallel Language Title: Studies in the Japanese Language)		B
Korea Journal		B
Kunapipi		B
Language Research (Seoul)		B
Lembaran sejarah		B
Lila Asia Pacific Women's studies Journal		B
Lingnan Journal of Chinese Studies		B
Lishi Wenxian 歷史文獻		B
Lishi Yanjiu Historical Research		B
Lu Xun Yanjiu Yuekan		B
Malaysia in History		B
Man in India		B
Middle East Policy		B
Middle-East Report (Middle East Research and Information Project)		B
Middle Eastern Studies	0026-3206	B
Middle Way		B
Ming Studies		B
Minzu yuwen 民族語文		B
Modern Chinese Literature and Culture		B
Mongolian Studies: Journal of the Mongolian Society (American)		B

Mon-Khmer Studies		B
Mongoru-kenkyū = Journal of Mongolian Studies		B
Moussons		B
Muséon. Revue d'études orientales		B
Muslim World		B
Neimenggu Daxue Xuebao or Journal of Inner Mongolia University(Hums & Soc Sci)		B
NeiMenggu-shehui-kexue = Inner Mongolia Social Sciences		B
New Zealand Journal of Asian Studies		B
Nihon shiso shi gaku		B
Nihongo Kyoiku		B
Nihon-shi kenkyu (Japanese History Research)		B
Nihon kenkyu (Japan Research)		B
Nihon-gaku kenkyu (Japanese Studies Research)		B
Nihongo Kagaku (Japanese Language Science)		B
Noksaek P'yongnon		B
Nova Religio		B
Onsei Kenkyu		B
Oriens: Zeitschrift der Internationalen Gesellschaft für Orientforschung		B
Oriens Extremus		B
Oriens		B
Orient-Journal des Deutschen Orient-Instituts Hamburg		B
Oriental Art		B
Orientalia Venetiana		B
Pilipinas: A Journal of Philippine Studies		B
Purusartha		B
Quaternary Environmental Change in the Indonesian Region		B
Rekishi Hyoron (Historical Review)		B
Rekishigaku Kenkyu		B
Renditions		B
Resource, Environment and Development		B
Review of Asian and Pacific Studies		B
Review of Indonesian and Malaysian Affairs		B
Review of Japanese Culture and Society		B
Review of Korean Studies		B

Sekai no Nihongo Kyoiku (Japanese-Language Education Around the Globe)		B
Senri Ethnological Studies		B
Singapore Economic Review		B
Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia		B
South Asia Research		B
Southeast Asian Journal of Social Science		B
Southeast Asian Studies (Kyoto)		B
Studia Islamica (Paris; not to be confused with Studia Islamika published in Jakarta)		B
Studia Islamika: Indonesian Journal for Islamic Studies		B
Studies in Asian Art and Archaeology		B
Studies in Chinese Linguistics		B
Studies in Central & East Asian Religions		B
Studies in Sinology		B
Sungkyun Journal of East Asian Studies		B
Tai Culture: International Review on Tai Cultural Studies		B
Taiwan Journal of Democracy		B
T'ang Studies 唐學報		B
Tamkang Review		B
The Journal of the Royal Institute of Thailand		B
Tibet Journal, The		B
Toplumsal Tarih (History Foundation of Turkey)		B
Toyo bungaku kenkyu 東洋文學研究 (Studies of Eastern Literature)		B
Toyo bunka 東洋文化 Eastern Culture		B
Toyo gakuho 東洋學報 (Journal of Eastern Studies)		B
Tōyō shi kenkyū (Studies of Eastern History (Japan))		B
Transactions of the Korea Branch of the Royal Asiatic Society		B
Tsing Hua Journal of Chinese Studies		B
Turkish Studies Association Journal		B
U.S.-Japan Women's Journal		B
Vietnam's Socio-Economic Development		B
Wen Shi Zhe Xue Bao		B
Wenwu 文物 (Cultural Artefacts)		B
Wenzi Gaige		B
Yanjing xuebao 燕京學報 (Yenching Journal of Chinese Studies)		B

Yuyan Yanjiu (Language Research)		B
Zeitschrift fur Religions		B
Zhongguo shehui jingji shi yanjiu (Journal of Chinese Social and Economic History)	1000-422X	B
Zhongguo Yuwen		B
Abhandlungen für die Kunde des Morgenlandes		C
Acta Indonesica		C
Acta Orientalia		C
African and Asian Studies		C
African and Asian Studies		C
Aichi Bunkyo University Studies in Comparative Culture		C
AION (Annali Istituto Orientale Napoli)		C
Ajia Afurika chiiki kenkyū = Asian and African Area Studies		C
American Asian Review		C
American Journal of Islamic Social Sciences		C
Annali. Istituto Universitario Orientale		C
Annals of the Bhandarkar Oriental Research Institute		C
Annual of Urdu Studies		C
Antropologi Indonesia		C
Archaeology in New Zealand		C
Aseanie		C
Asia Affairs: An American Review		C
Asia Pacific Cultural Studies Journal		C
Asia-Pacific Development Journal		C
Asia Pacific Education Review		C
Asia Pacific Families: APFAM Journal		C
Asia Pacific Family Medicine (Print)		C
Asia-Pacific Financial Markets		C
Asia Pacific Journal of Arts & Cultural Management		C
Asia Pacific Journal of Economics and Business	1326-8481	C
Asia Pacific Journal of Education		C
Asia Pacific Journal of Finance		C
Asia Pacific Journal of Health Management		C
Asia Pacific Journal of Human Resources		C
Asia Pacific Journal of Social Work		C
Asia-Pacific Journal of Teacher Education		C
Asia-Pacific Journal on Human Rights and the Law		C

Asia Pacific Law Review		C
Asia-Pacific Law and Policy Journal (APLPJ)		C
AsiaPacific MediEducator (APME)		C
Asia Pacific Modern		C
Asia-Pacific Perspectives: Japan		C
Asia-Pacific Population Journal		C
Asia-Pacific Population Research Reports		C
Asia-Pacific Review		C
Asia Pacific Studies of Economics and Culture		C
Asia Survey		C
Asian E F L Journal		C
Asian Journal of Marketing		C
Asian Review of Accounting		C
Asian and Oceanian Studies in Industrial Democracy		C
Asian and Pacific Migration Journal		C
Asian Culture		C
Asian Culture Quarterly		C
Asian Economic Review		C
Asian Economies		C
Asian Englishes		C
Asian Geographer		C
Asian Journal of Communication		C
Asian Journal of English Language Teaching		C
Asian Journal of Environmental Management		C
Asian Journal of Philosophy		C
Asian Journal of Public Administration		C
Asian Journal of Social Science		C
Asian Journal of Women's Studies		C
Asian Migrant		C
Asian Perspective		C
Asian Profile		C
Asian Quarterly		C
Asian-Pacific Law & Policy Journal		C
Asian Research Trends (Tōyō Bunko [Japan])		C
Asien, Afrika, Lateinamerika		C
Aspects of Indonesian Archaeology		C

B.C. Asian Review		C
Bangladesh Economic Review		C
Bengal Past and Present		C
Borneo Research Bulletin		C
Bridges: Berkeley Research Journal on South and Southeast Asia (BRJSS)		C
Buddhist-Christian Studies		C
Buddhist Studies Review		C
Bulletin de la Societe des etudes Oceanniennes		C
Bulletin de la Societe des Etudes Historique de la Nouvelle Caledonie		C
Bulletin of Institute of Asian Culture, Toyo University		C
Bulletin, Indo-Pacific Prehistory Association		C
Bungakkai		C
Bungei		C
Canada Asia Review		C
Canadian Journal of Buddhist Studies		C
Central Asia Monitor		C
Changbi		C
China and Eurasia Forum Quarterly		C
China Perspectives		C
China Report: A Journal of East Asian Studies		C
China Review (HK)		C
China Studies		C
China: An International Journal	0219-7472.	C
Chinbo P'yongnon		C
Chinese & Society		C
Chinese Culture		C
Chinese Culture Forum		C
Chinese Historical Review		C
Chinese Journal of International Politics		C
Chinese Journal of Sociology		C
Chinese Language Review		C
Chinese Linguistics		C
Chinese Pen		C
Chinese Quarterly		C
Chinese Science Bulletin		C

Chinese Social Sciences Quarterly		C
Chinese Studies in History		C
Chinese Teaching in the World		C
Chinese Translators Journal		C
Chonji. Chungguk chakka hyopoe yonbyon punhoe kigwanji		C
Chosŏn munhak		C
Chuugoku bungaku kenkyu 中國文學研究		C
Chung-Hwa Buddhist Journal		C
Chung-Wai Literary Monthly		C
Collected Papers on Chinese Studies		C
Columbia East Asian Review		C
Comparative Studies of South Asia, Africa and The Middle East		C
Contemporary Buddhism		C
Contributions to Southeast Asian Ethnography		C
Copenhagen Journal of Asian Studies		C
Da Lu Za Zhi (The Continent Magazine)		C
Dan Toc Hoc		C
Development and Society		C
Dharma Deepika: A South Asian Journal of Missiological Research		C
Documentatieblad voor de geschiedenis van de Nederlandse zending en overzeese kerken		C
Domodomo		C
Dushu 讀書		C
East and West		C
East Asian Library Journal		C
East Asian Review		C
Eastern Buddhist		C
Ebisu		C
Electronic Journal of Contemporary Japanese Studies		C
Electronic Journal of Oriental Studies		C
Europe-Asia Studies		C
Explorations in Southeast Asian Studies		C
Far Eastern Economic Review		C
Forum on Chinese Culture		C
Ganganatha Jha Kendriya Sanskrit Vidyapeetha, Journal		C
Global Asia: A Journal of The East Asia Foundation		C

Graduate Journal of Asia-Pacific Studies		C
Harvard Asia Pacific Review		C
Hikakubunka-Kenkyu (Studies in Comparative Culture)		C
Himal		C
Histoire et Anthropologie Asies Cahiers Annuel		C
Historia Scientiarum		C
Historiography East and West		C
Hong Kong Journal of Applied Linguistics		C
Hong Kong Journal of Business Management		C
Hong Kong Journal of Social Sciences		C
Hoseishi kenkyu Legal History Review		C
Hsin-She Hseh-Pao: Journal of the Island Society		C
Hua Wen Wen Xue		C
Huawen Yanjiu (Chinese Language Studies)		C
Humanitas Asiatica		C
Hwa Kang Journal of Humanities		C
Il Giappone		C
India Quarterly		C
Indian Journal of Philosophic Studies		C
Indian Journal of Political Science		C
Indian Journal of Politics		C
Indian Journal of Public Administration		C
Indian Journal of Social Work		C
Indian Ocean Review		C
Indian Philosophical Quarterly		C
Indische Letteren		C
Indo Iranian Journal		C
Indonesian Quarterly		C
Interdisciplinary Journal of Research on Religion		C
International Journal of Central Asian Studies		C
International Journal of Asia-Pacific Studies		C
International Journal of Chinese Culture and Management		C
International Journal of Chinese & Comparative Philosophy		C
International Review of Chinese Linguistics		C
International Journal of Hindu Studies		C
International Journal of Indian Culture and Business Management		C

International Journal of Contemporary Iraqi Studies		C
Internationales Asien-Forum		C
Islamic Culture		C
Islamic History and Civilization		C
Islam-Zeitschrift Fur Geschichte Und Kultur Des Islamischen Orients		C
Japan Psychological Research		C
Japan Quarterly		C
Japanese Economic Studies		C
Japanese Journal of Educational Psychology		C
Japanese Journal of Psychology		C
Japanese Language Education Around the Globe (Sekai no naka no nihongo kyooiku)		C
Japanese Psychological Research		C
Japanese Religions		C
Japanstudien		C
JESNA The Journal of Econometric Study of Northeast Asia		C
Jiang Huai Forum		C
Jiuzhou Xuekan		C
Journal of Asia Business Studies	1558-7894	C
Journal of Asian Communication (This is actually Asian Journal of Communication)		C
Journal of Asian Cultural Studies		C
Journal of Asian Martial Arts		C
Journal of Asiatic Studies		C
Journal of Buddhist Ethics		C
Journal of Buddhist Studies		C
Journal of Central China Normal University		C
Journal of Chinese Geography (Now called Journal of Geographical Sciences)		C
Journal of Chinese Theater and Opera Studies		C
Journal of Dharma		C
Journal of East Asian archaeology		C
Journal of Hebei University		C
Journal of Indian History		C
Journal of Indian Philosophy and Religion		C
Journal of Institutional Research (South East Asia)		C

Journal of Islam in Asia		C
Journal of Japan Society of Hydrology and Water Resources		C
Journal of Japanese Linguistics		C
Journal of Malaysian Chinese Studies		C
Journal of Manchurian Studies		C
Journal of Modern Literature in Chinese		C
Journal of Nanjing University		C
Journal of North African Studies		C
Journal of Northeast Asian Studies (Now called: East Asia: An International Quarterly)		C
Journal of Overseas Chinese Studies		C
Journal of Shanxi Teachers University		C
Journal of Social Science, Singapore		C
Journal of South Asia Women Studies		C
Journal of South Asian and Middle Eastern Studies		C
Journal of South Asian Natural History		C
Journal of Southeast Asian Education		C
Journal of The Anthropological Society of Nippon		C
Journal of The Asiatic Society of Bombay		C
Journal of The Association of Chinese Scholars in Europe		C
Journal of The Association of Teachers of Japanese		C
Journal of The Chinese Language Teachers Association		C
Journal of The Institute of Chinese Studies of The Chinese University of Hong Kong		C
Journal of The Korean Economy		C
Journal of The Pacific Society /Taiheiyō Gakkaishi		C
Journal of The Phonetic Society of Japan		C
Journal of The South Seas Society		C
Journal of Zhejiang University (Social Sciences Edition)		C
Jurnal Antropologi dan Sosiologi		C
Jurnal Pengajian Melayu		C
Kailash: A Journal of Himalayan Studies		C
Kalam, Jurnal Kebudayaan		C
Kanbun Gakkai kaiho 漢文學會會報		C
Kasarinlan		C
Keiryō Kokugo Gaku		C
Kertas-kertas Pengajian Tionghoa Papers on Chinese Studies		C

Khoa Hoc Xa Hoi		C
Kolam		C
Korea Observer		C
Korea Review: The Specialist Korea Supplement to Asialaw		C
Krasæ Ākhanē = Southeast Current		C
Leidschrift		C
Lu Xun Yanjiu Yuekan		C
Luat Hoc		C
Maritime Asia		C
Masyarakat Indonesia: Majalah Ilmu Ilmu Sosial		C
Media Asia		C
Mediterranean Quarterly		C
Mediterranean Studies		C
Ming-Qing Xiaoshuo Yanjiu		C
Minjok eumakhak (Seoul: Journal of the Asian Music Research Institute)		C
Minpaku Tsusin		C
Modern Chinese Literary Theory Quarterly		C
Mongolian Journal of International Affairs		C
Mon-Khmer Studies		C
Mwa Vee		C
Nantah Journal of Chinese Language and Culture		C
Nanyang Quarterly		C
Nanyang University Journal		C
National Taiwan University Journal of Social Sciences		C
National Taiwan University Journal of Sociology		C
Nghien Cuu Gia Dinh & Gioi		C
Nghien Cuu Quoc Te		C
Nghien Cuu Lich Su		C
Ngon Ngu & Doi Song		C
Nihon kenchiku-gakkai keikaku-kei ronbun-shu [Japanese Architectural Association's Research papers on Architectural Planning]		C
Nihon shisoshi kenkyu		C
Nihon shisoshi kenkyukai kaiho		C
Nihon tetsugakushi kenkyu		C
Nihongo Rekishi		C

Oriental Art		C
Orientalia Christiana Periodica		C
Overseas Chinese History Studies		C
Pacific Arts		C
Pacific Conservation Biology		C
Pacific Historical Review		C
Pacific Journalism Review		C
Pacific Philosophical Quarterly		C
Pacific Rim Law and Policy Journal		C
Pacific Tourism Review		C
Pacific Viewpoint		C
PAJLS = Proceedings of The Association for Japanese Literary Studies		C
Pakistan Development Review		C
Pakistan Journal of Social Sciences		C
Pan Japan: The International Journal of the Japanese Diaspora		C
Peace and Democracy in South Asia		C
Peninsule		C
People and Culture in Oceania		C
Perfect Beat		C
Philippine Political Science Journal		C
Philippine Social Sciences Review		C
Philippine Sociological Review		C
Philippine Studies		C
PNG Medical Journal		C
Populasi		C
Proceedings of the Midwest Association for Japanese Literary Studies		C
Pulamai		C
Rapa Nui Journal		C
Rekishi to Keizai (History and Economics)		C
Research in Ancient Chinese Language (Parallel Title: Guhanyu Yanjiu)		C
Research of Chinese Literature Parallel Title: Zhongguo Wenxue Yanjiu		C
Review of Modern Literature in Chinese		C
Review of Southeast Asian Studies		C

Revue d'etudes tibétaines		C
Revue Juridique, Politique et Economique de la Nouvelle Caledonie		C
S E A I S I Quarterly Journal (South East Asia Iron and Steel Institute; Malaysia)		C
Sari		C
Sarjana		C
Science in New Guinea		C
Seiji shiso kenkyu		C
Sejarah		C
Seoul Journal of Business		C
Shakai Gengo Kagaku		C
Shih-Huo Yueh-Kan (Shih-Huo Monthly)		C
Shumu jikan 書目季刊 (Bibliography Quarterly)		C
Singapore Journal of Education		C
Singapore Journal of Legal Studies		C
Singapore Police Journal		C
Singapore Spectrum		C
Singapore Year Book of International Law		C
Sino-humanitas		C
Sino-Japanese Studies		C
Sino-Western Cultural Relations Journal		C
South Asia Economic Journal		C
South Asian Popular Culture		C
South Asian Review		C
South Asian Survey		C
South East Asia: A Multidisciplinary Journal (Brunei)		C
South East Asian Review		C
South Indian Folklorist		C
South Pacific Journal of Mission Studies		C
South Pacific Journal of Philosophy and Culture		C
South Pacific Newsletter (Kagoshima)		C
South Pacific: Journal of Philosophy and Culture		C
Southeast Asian Modernities		C
Stanford Journal of East Asian Affairs		C
Stockholm Journal of East Asian Studies		C
Studia Mongolica Instituti linguae, litterarum et historiae		C

Studia Orientalia / Societas Orientalis Fennica		C
Studien zur Indologie und Iranistik		C
Studies on Confucius (Parallel Title: Kongzi Yanjiu)		C
Study of Confucianism		C
Subaru (Parallel Title: Pleiades)		C
Sun Yat-Sen Journal of Humanities (Parallel Title: Zhongshan Renwen Xuebao)		C
Susastra: Jurnal Ilmu Sastra dan Budaya		C
Taiwan Journal of Southeast Asian Studies		C
Tamil Civilization		C
Tamil Maarudham		C
Tangdai wenxue yanjiu 唐代文學研究		C
Tenki		C
Tonan Ajia kenkyu (Parallel Title: South East Asian Studies)		C
Transactions of the Asiatic Society of Japan		C
Transoxiana		C
Tunghai Journal		C
Udaya-Journal of Khmer Studies		C
Van Hoa Dan Gian		C
Viet Hoc Nien San (Annals of Vietnamese Studies)		C
Vietnam Economic Review		C
Vietnamese Studies (Hanoi)		C
Vietnamese Studies Review		C
Wacana: Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya		C
Waseda Bungaku		C
Waseda Journal of Asian Studies		C
Wenxian		C
Wenxue pinglun		C
Wenxue yichan 文學遺產		C
Western Conference of the Association for Asian Studies Journal		C
Xa Hoi Hoc		C
Xinwenxue Shiliao		C
Xiuci Xuexi		C
Xua va Nay		C
Xuecong: Journal of Department of Chinese Studies, NUS		C
Xueshu yuekan 學術月刊		C

Ya-tai Jingji		C
Yuwen Yanjiu		C
Yuyanxue Luncong		C
Zhejiang Academic Journal		C
Zhongguo Fanyi = Chinese Translators Journal		C

RUJUKAN

- Griffith University. n.d. ASAA Journal Ranking List – November 2007. <http://www.griffith.edu.au/business-government/griffith-business-school/pdf/journal-rankings-asian-studies-association-australia.pdf/> (accessed April 2013).
- _____. n.d. About Griffith. <http://www.griffith.edu.au/about-griffith/campuses/> (accessed April 2013).
- Sew, J. W. 2010. Budaya penerbitan asas kecemerlangan. *Dewan Budaya* 32(7): 28–30.
- _____. 2009. Antara intan dengan kaca: Kemelut budaya akademik samaran. *Dewan Budaya* 31(11): 46–48.